


BERITA HARIAN

DATE: 3 / 3 / 2008



FAKTA NOMBOR

Buku Abdullah
Memperkasakan Malaysia

96

Muka surat

30

Tahun pengalaman dikongsi

BH-3/3/2008

Pengasas Limkokwing bukukan pengalaman bersama Pak Lah

KUALA LUMPUR: Pengasas Universiti Limkokwing (LKWU), Prof Emeritus Tan Sri Dr Lim Kok Wing, menerbitkan hasil nukilan beliau mengenai usaha pucuk pimpinan negara menerusi buku, "Abdullah: Memperkasakan Malaysia".

Naib Canselor Pembangunan Rangkaian Bahagian Perkhidmatan Pelajar LKWU, Nazaruddin Abdul Jalil, berkata buku berkenaan diterbitkan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Tamil dan Mandarin.

Beliau berkata, ini adalah hasil nukilan pertama Lim, individu yang begitu rapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berjaya disusun dalam bentuk kronologi hasil kejayaan sepanjang memegang tampuk pemerintahan negara.

Penulis juga katanya, berkongsi pengalaman sepanjang tempoh perkenalan dengan Abdullah sejak 30 tahun lalu yang dianggap sebagai pemimpin gigih dalam setiap apa yang dilaksana-

kan serta mempunyai hati budi yang mulia.

"Buku setebal 96 muka surat itu memberi penekanan kepada keupayaan membina yang dilihat dalam diri Abdullah sebagai pemimpin yang memimpin menerusi kesepakatan.

"Ini bermakna pemimpin kini memberi kuasa kepada semua ahlinya," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau berkata, buku itu dijadual dilancarkan secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ke-12, 8 Mac ini.

Buku ini turut mengupas kaedah kepemimpinan Abdullah yang mementingkan kesepakatan iaitu perkara yang dituntut dalam memberi kerjasama bagi keupayaan semua pihak.

Penekanan kepada pembinaan modal insan yang diperkasa dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang betul begitu diharapkan sebagai langkah awal menjadikan Malaysia sebagai negara maju.